

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA

**: DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN
NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]**

TARIKH

: 16.06.2014 (ISNIN)

**DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [KEPALA
BATAS]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan perincian mengenai
status semasa Dasar Koperasi Negara (DKN). Sejauh mana pencapaian
kesemua teras kunci petunjuk prestasi yang ada setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam usaha menjadikan sektor koperasi berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pendapatan RM50 bilion menjelang 2020, Kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah menggubal Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 yang memberi penekanan kepada penglibatan koperasi dalam pelbagai *Entry Point Project* (EPP) mengikut enam (6) bidang ekonomi iaitu:

- i) Perkhidmatan Kewangan;
- ii) Pemborongan dan Peruncitan;
- iii) Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan;
- iv) Pertanian dan Industri Asas tani;

- v) Perladangan; dan
- vi) Pembangunan Hartanah.

Lima (5) Teras Strategik telah digariskan di dalam DKN 2011-2020 untuk membolehkan sektor koperasi menjadi penyumbang berkesan kepada pembangunan negara iaitu:

- i) Merangsang penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi bernilai tinggi;
- ii) Memantapkan keupayaan dan kebolehan koperasi;
- iii) Mewujud dan meningkatkan keupayaan modal insan koperasi;
- iv) Meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi; dan
- v) Memperkuuhkan koperasi melalui seliaan dan penguatkuasaan yang berkesan.

Di dalam usaha merangsang penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi bernilai tinggi selaras dengan Teras Strategik I, pelbagai usaha diambil melalui pakatan strategik dengan Kementerian dan agensi seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KKLW), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) dan jaringan perniagaan dengan pihak ketiga dalam dan luar negara. Selain itu, koperasi digalakkan menceburi bidang perniagaan bernilai tinggi dan mampu bersaing di pasaran terbuka.

Selaras dengan Teras Strategik II, keupayaan dan kebolehan koperasi diperkuuhkan melalui pembesaran operasi supaya dapat menikmati ekonomi berskala dan berdaya saing serta penggunaan teknologi moden untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan koperasi melalui pengwujudan dan penambahbaikan sistem serta aplikasi baru.

Pelaksanaan Teras Strategik III dalam mewujud dan meningkatkan keupayaan modal insan koperasi dapat dicapai melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang sedang dan akan diceburi oleh koperasi serta peningkatan profesionalisme dalam pengurusan dan pentadbiran koperasi.

Selaras dengan matlamat Teras Strategik IV iaitu meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi, kefahaman mengenai koperasi dipertingkatkan melalui promosi kesedaran berkoperasi dengan pendekatan mesra rakyat, peningkatan kerjasama dan sokongan majikan ataupun pemimpin persatuan terhadap usaha memperkembangkan gerakan koperasi di negara ini. Selain itu, tindakan mempermudahkan penubuhan koperasi dan penyebaran maklumat yang lebih berkesan sedang diambil untuk meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi.

Di bawah Teras Strategik V, pemantapan pengawal seliaan dan tindakan penguatkuasaan undang-undang dilaksanakan melalui pendidikan pencegahan dengan memberi kefahaman mengenai perundangan koperasi serta penyediaan rangka kerja perundangan koperasi yang kondusif secara berterusan untuk membendung gejala tidak sihat dalam gerakan koperasi.

DKN 2011-2020 kini memasuki fasa jangka masa sederhana iaitu Januari 2013 sehingga Disember 2015. Sehingga 31 Disember 2013, sektor koperasi telah berjaya mencapai sasaran peningkatan perolehan sebanyak 6% bagi tahun 2013 dengan jumlah perolehan sebanyak RM32.97 bilion.